

# Jalinan Pengajian Tinggi dan Rendah: Cabaran dan Pengalaman

*Rafizah Kechil  
Peridah Bahari  
Salina Hamed*

## ABSTRAK

*Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik di kalangan pelajar sekolah di negara ini masih pada tahap rendah sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti. Masyarakat juga dimaklumkan bahawa pencapaian matematik pelajar di luar bandar adalah lebih rendah berbanding pelajar bandar. Mengambil kira senario ini, Projek Khidmat Masyarakat (PKM) telah dilaksanakan oleh beberapa orang pensyarah matematik (JTMSK) untuk membantu pihak sekolah mempertingkatkan motivasi pelajar dalam mempelajari matematik. PKM telah dijalankan terhadap 45 orang pelajar dari sebuah sekolah luar bandar di Pulau Pinang. PKM memberi tumpuan dalam peningkatan kefahaman sistem nombor peringkat rendah yang merupakan asas kepada mata pelajaran matematik dengan berbantuan teknologi maklumat. Kejayaan PKM didapati bersandar kepada beberapa pihak, umpamanya, jabatan pelajaran negeri, pihak sekolah, kemudahan peralatan, pihak UiTM, bahan pengajaran dan pembelajaran serta sikap pelajar itu sendiri.*